BAIXIAN HEAVY EQUIPMENT SDN BHD & YANG LAIN A

lwn.

OOI CHAI LEE

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
TENGKU MAIMUN H
[GUAMAN NO: S4-22-254-2003]
13 DISEMBER 2007

TORT: *Fitnah - Libel - Pengarah syarikat - Alegasi penyelewengan wang syarikat terhadap rakan pengarah - Sama ada tidak berasas - Sama ada membangkitkan perasaan benci terhadap plaintif - Gantirugi - Jumlah wajar* C

Plaintif pertama adalah sebuah syarikat ('syarikat') yang mempunyai akaun di Bumiputra Commerce Bhd, Cawangan Taman Melawati ('Bank'), sementara plaintif kedua, plaintif ketiga dan defendan adalah D pengarah-pengarah dan penandatangan-penandatangan cek plaintif pertama. Melalui satu surat bertarikh 2 Ogos 2002, defendan telah menulis kepada Bank menyatakan, secara intinya, bahawa plaintif kedua dan ketiga telah memanipulasikan akaun syarikat untuk kepentingan peribadi mereka, dan bahawa beliau, iaitu defendan, telah menarik balik E kebenaran yang diberi kepada plaintif ketiga untuk menjadi salah seorang dari penandatangan cek syarikat. Berikutnya, Bank telah membekukan akaun syarikat berakibat cek-cek syarikat yang dikeluarkan kepada beberapa pihak tidak dapat ditunaikan. Plaintif kedua dan ketiga menyatakan bahawa defendan melalui surat di atas telah memfitnahkan F mereka, dan kerana itu telah memfail tuntutan tort fitnah di sini menuntut gantirugi sebanyak RM500,000. Defendan berhujah bahawa beliau dilindungi oleh pembelaan justifikasi kerana apa yang dikatakan di dalam surat adalah benar belaka.

Diputuskan (membenarkan tuntutan sekadarnya): G

(1) Adalah jelas bahawa kenyataan defendan tersebut dalam maknanya yang biasa dan semula jadi membawa erti bahawa plaintif kedua dan ketiga adalah tidak jujur, penipu dan telah menyalahgunakan wang syarikat untuk kegunaan mereka sendiri dengan membawa kerugian H kepada syarikat. Juga nyata bahawa kenyataan tersebut cenderung kepada mengapi-apikan perasaan benci orang lain terhadap plaintif kedua dan ketiga. (perenggan 7)

(2) Keterangan menunjukkan bahawa cek-cek yang dikeluarkan adalah atas urusan syarikat dan defendan juga gagal membuktikan I kenyataannya bahawa plaintif kedua dan ketiga telah menipu dalam urusan tuntutan kepada PERKESO bagi seorang pekerja syarikat bernama Chong Chew Peng. (perenggan 14)

A **(3)** Atas imbangan kebarangkalian, plaintif-plaintif telah membuktikan tuntutan mereka terhadap defendan. Mengambilkira fakta dan halkeadaan kes, gantirugi sebanyak RM100,000 bagi setiap plaintif adalah wajar dan memadai. (perenggan 15)

B *[Perintah sekadarnya]*

Kes-kes yang dirujuk:
JB Jeyaretnam v. Goh Chok Tong [1985] 1 MLJ 334 ***(dirujuk)***
Pullman v. W Hill & Co [1891] 1 QB 524 ***(dirujuk)***

C *Bagi pihak plaintif - D Krishna (Norhayati Ibrahim, Yum She Lee & Zatul Izna bersamanya); T/n Krishna Dallumah, Maniam & Indran*
Bagi pihak defendan - Francis Goh; T/n Francis Goh & Co

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

D

PENGHAKIMAN

Tengku Maimum H:

[1] Tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan ialah untuk gantirugi E kerana fitnah berkaitan surat yang ditulis oleh defendan bertarikh 2 Ogos 2002 (surat tersebut) kepada Pengurus Bumiputra Commerce Bhd Cawangan Taman Melawati (Bank) yang turut disalinkan kepada Pengurus Besar, (Deposit dan Current Account Branches) ibu pejabat bank tersebut. Petikan surat tersebut yang menjadi asas tuntutan plaintif F berbunyi:

> It has been brought to my attention that the company's funds from the accounts were/are being utilized for purposes not approved by the directors. That is to say Chan Yen Peng being one of the directors of the company jointly with Chong Cheng Wah (not a director or G shareholder) used company's funds to the detriment of the company. I, therefore, as one of the directors and shareholders of the company hereby give you NOTICE that I withdraw immediately the permission or consent granted to Chong Cheng Wah to be to signatory for the operation of the accounts. Please take note of the above and comply with the same until further notice

H

(selepas ini dirujuk kenyataan defendan).

[2] Syarikat yang dirujuk di dalam surat defendan ialah plaintif pertama manakala Chan Yen Peng dan Chong Cheng Wah adalah plaintif kedua dan plaintif ketiga masing-masing. Plaintif kedua dan ketiga adalah I pengarah-pengarah plaintif pertama dan merupakan dua orang daripada tiga orang penandatangan cek plaintif pertama selain daripada defendan yang juga merupakan pengarah syarikat plaintif pertama. Selepas bank

menerima surat tersebut, akaun plaintif pertama telah dibekukan yang mengakibatkan cek-cek plaintif pertama yang dikeluarkan kepada beberapa pihak tidak dapat ditunaikan. Justeru plaintif-plaintif menyatakan bahawa mereka mengalami kerugian di mana reputasi mereka telah tercemar serta dipandang rendah.

[3] Plaintif-plaintif mengatakan bahawa surat tersebut mempunyai makna dan/atau erti yang berikut:

a) Plaintif kedua dan ketiga telah menggunakan wang syarikat bukan untuk kepentingan syarikat tetapi sebaliknya untuk merugikan syarikat.

b) Plaintif kedua dan ketiga adalah penipu dan telah menggunakan wang untuk diri mereka dan telah memecah amanah.

c) Bayaran-bayaran yang dibuat tidak diluluskan oleh syarikat plaintif pertama.

d) Plaintif kedua dan ketiga telah menggunakan wang syarikat untuk kegunaan sendiri.

[4] Meneliti penyata pembelaan defendan, nampaknya defendan cuba berlindung di bawah pembelaan justifikasi walaupun ianya tidak diplid secara khusus. Perenggan-perenggan yang relevan di dalam penyata pembelaan terpinda adalah seperti berikut:

14. Defendan dengan ini menyatakan dengan cara kategori bahawa beliau telah mempunyai bukti yang nyata di mana Plaintif Kedua dan Ketiga bersama-sama dengan seorang Wong Chew Peng (No. K/P 590904-10-6388) secara salah dan/atau tipu mengaku bahawa dia adalah pekerja di Syarikat Plaintif Pertama di mana rekod Syarikat Plaintif Pertama telah diubah secara salah dan telah menuntut dan terus menuntu gaji/elaun/wang caruman K.W.S.P. dan PEKESO daripda Syarikat Plaintif Pertama.

15. Defendan menyatakan bahawa beliau adalah pemegang syer dan pengarah kepada Syarikat Plaintif Pertama pada masa yang material tidak pernah memberi kuasa melantik Wong Chew Peng sebagai pekerja di dalam Syarikat Plaintif Pertama dan juga tidak pernah bersetuju dengan pelantikan tersebut. Oleh yang demikian, tuntutan yang dibuat adalah salah atau tipu ke atas Syarikat Plaintif Pertama bagi membolehkan penyelewengan tabung peruntukan wang Syarikat Plaintif Pertama.

16. Seterusnya, Defendan mengatakan bahawa Plaintif Kedua dan Ketiga telah merancang dan berpengetahuan penuh bekerjasama membuat tuntutan salah dan/atau tipu dengan menggunakan Syarikat Plaintif Pertama sebagai pelindung dan membuat tuntutan frod untuk faedah Keselamatan Sosial yang berjumlah RM528.00 dengan cek Maybank No. 0049882 atau dengan

maksud pendakwaan palsu kecederaan dan kecacatan dari 10/7/2002 hingga 14/8/2002. Defendan akan mengemukakan bukti pada perbicaraan penuh nanti.

17. Defendan menyatakan secara kategori bahawa tindakan-tindakan Plaintif Kedua dan Ketiga adalah dirancang dengan motif yang salah bagi maksud menggelapkan wang syarikat Plaintif Pertama secara frod.

23. Kenyataannya, di antara Kumpulan Syarikat Baixian, Plaintif Pertama memperolehi pendapatan yang tertinggi. Apabila Chan Yen Peng (Plaintif Kedua) yang mendakwa mewakili Syarikat Plaintif Pertama hanya memanaskan kerusi dan adalah keterangan yang jelas bahawa Plaintif Kedua telah menyalahgunakan sejumlah besar wang milik Plaintif Pertama tanpa memasukkan ke dalam akaun bank Syarikat.

29. Mengenai surat seperti di dalam Lampiran 1, ia tidak mempunyai maksud lain seperti yang didakwa oleh Plaintif 1 tetapi adalah untuk menunjukkan bahawa kenyataannya Chan Yen Peng (Plaintif 2) dan Chong Cheng Wah (Plaintif 3) yang mengendalikan akaun syarikat telah bersama-sama bertindak merugikan syarikat dan pemegang syernya. Oleh yang demikian, dakwaan-dakwaan Plaintif-Plaintif Pertama, Kedua dan Ketiga adalah dinafikan dan telah menunjukkan motif yang tidak jujur oleh Plaintif Kedua dan Plaintif Ketiga.

[5] Defendan juga membuat tuntutan balas bagi kerugian dan kemusnahan yang dialami akibat tindakan plaintif kedua yang dikatakan menggunakan plaintif ketiga secara halus dan tidak sah untuk menyingkirkan defendan sebagai pengarah syarikat plaintif pertama tanpa pengetahuan dan notis pemberitahuan terlebih dahulu. Defendan mendakwa itu telah menyebabkan gangguan mental, tekanan, kehilangan reputasi dan juga kerugian dan kerosakan kepada defendan.

[6] Undang-undang adalah mantap bahawa untuk menentukan sama ada kenyataan defendan tersebut adalah fitnah atau tidak, ia hendaklah difahami dengan maknanya yang biasa dan semula jadi. Juga sama ada kecenderungan kenyataan itu untuk mengapi-apikan perasaan benci orang lain terhadap plaintif. Lihat kes *JB Jeyaretnam v. Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334.

[7] Adalah jelas kenyataan defendan tersebut dalam maknanya yang biasa dan semula jadi membawa erti bahawa plaintif kedua dan plaintif ketiga adalah tidak jujur, penipu dan telah menyalahgunakan wang plaintif pertama untuk kegunaan mereka sendiri dengan membawa kerugian kepada plaintif pertama. Malahan inilah sebenarnya yang dimaksudkan oleh defendan di dalam surat tersebut sebagaimana dapat dilihat di dalam penyata pembelaan yang dipetik di atas di mana khususnya defendan

menyatakan bahawa surat tersebut 'menunjukkan bahawa kenyataannya Chan Yen Peng ... dan Chong Cheng Wah ... yang mengendalikan akaun syarikat telah bersama-sama bertindak merugikan syarikat dan pemegang syernya.' Nyata juga kecenderungan kenyataan tersebut untuk mengapi-apikan perasaan benci orang lain terhadap plaintif kedua dan ketiga.

[8] Peguamcara terpelajar defendan di dalam hujahan bertulisnya antara lain menyatakan bahawa plaintif pertama gagal membuktikan bahawa pembekuan akaun plaintif pertama adalah disebabkan oleh surat tersebut. Peguamcara terpelajar seterusnya berhujah bahawa oleh kerana tiada keterangan yang menunjukkan bahawa cek-cek plaintif pertama itu telah dikeluarkan dengan kelulusan pengarah-pengarah plaintif pertama, maka kenyataan defendan tersebut tidak berjumlah kepada apa-apa fitnah kepada plaintif kedua dan plaintif ketiga.

[9] Saya tidak dapat menerima hujahan peguamcara terpelajar defendan kerana keterangan yang ada jelas menunjukkan bahawa bank bertindak membekukan akaun plaintif pertama berdasarkan surat tersebut. Ini dapat dilihat daripada eks. P12 iaitu surat bertarikh 12 Ogos 2002 daripada plaintif pertama kepada bank yang antara lainnya menyebut:

> We refer to the teleconversation between your En. Syed Omar and our Ms Chan Yen Peng on 10th August, 2002 (Saturday) at or about 1pm.
>
> We were shocked to be informed by your En Syed Omar that your Melawati Branch has frozen our current account based on a ridiculous letter of complaint from one Mr Ooi Chai Lee.

[10] Eksibit P13 berupa surat bertarikh 12 Ogos 2002 juga daripada plaintif pertama kepada bank berbunyi:

> We refer to the teleconversation between your En. Syed Omar and our Chan Yen Peng on 12th inst.at about 3.15pm.
>
> We have been informed verbally by your En. Syed Omar that your Melawati Branch has unfrozen our current account based on our letter or warning on 12th inst.
>
> Kindly send us a confirmation letter for the release of our current account from being frozen.

[11] Eksibit P19 adalah surat daripada bank bertarikh 26 September 2002 kepada plaintif pertama yang antara lain menyatakan:

> Foremost we apologise for the delay in replying to your letters.

> We also wish to extend our sincere apologies for the recent incident where your account was frozen by the bank ... We have rectified the situation on 12/8/2002 and informed you of the same on 12/08/2002.

[12] Sedemikian saya bersetuju dengan hujahan peguamcara terpelajar plaintif bahawa tanpa Encik Syed Omar daripada bank untuk memberi keterangan tidaklah menjejaskan fakta yang telah dinyatakan melalui surat-surat yang dirujuk di atas yang menunjukkan bahawa bank telah bertindak membekukan akaun plaintif pertama berdasarkan surat tersebut.

[13] Saya juga tidak dapat menerima hujahan peguamcara terpelajar defendan bahawa tidak terdapat penyiaran kenyataan fitnah kerana jelas di sini surat tersebut tidak ditujukan kepada plaintif-plaintif tetapi kepada pihak ketiga iaitu bank. Di dalam kes *Pullman v. W Hill & Co* [1891] 1 QB 524 Lord Esher M.R. berkata di ms 527:

> What is the meaning of "publication"? The making known the defamatory matter after it has been written to some person other than the person of whom it was written.

[14] Mengenai plaintif kedua dan ketiga, saya mendapati keterangan yang ada menunjukkan cek-cek yang dikeluarkan adalah atas urusan plaintif pertama dan defendan gagal membuktikan kenyataannya bahawa plaintif kedua dan ketiga telah menipu dalam urusan tuntutan kepada PERKESO bagi seorang pekerja plaintif pertama bernama Wong Chew Peng. Defendan juga gagal membuktikan bahawa urusan pelantikan Wong Chew Peng memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah plaintif pertama dan defendan juga gagal membuktikan bahawa plaintif kedua dan ketiga telah menyalahgunakan dana syarikat plaintif pertama dan telah mendatangkan kehilangan kepada plaintif pertama.

[15] Berdasarkan keterangan yang ada saya mendapati bahawa atas imbangan kebarangkalian plaintif-plaintif telah membuktikan tuntutan mereka terhadap defendan. Peguamcara terpelajar plaintif dalam hujahan bertulisnya memohon gantirugi sebanyak RM500,000 manakala peguamcara terpelajar defendan tidak membuat apa-apa hujahan mengenai amaun gantirugi. Saya berpendapat mengambilkira fakta dan hal keadaan kes ini, gantirugi sebanyak RM100,000 setiap plaintif adalah wajar dan memadai dan sedemikian saya membenarkan tuntutan plaintif-plaintif dan memberikan gantirugi sebanyak yang tersebut dengan faedah 8% setahun daripada tarikh penghakiman hingga penyelesaian dan kos. Oleh kerana defendan tidak ingin meneruskan dengan tuntutan balasnya, saya dengan ini membatalkan tuntutan balas defendan tanpa perintah kos.